

‘Duduk di flat tetapi selera kondominium’

Pemilik kediaman pasang jeriji hingga halang laluan pejalan kaki kena kecam

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan pemilik kediaman flat di sini mengubah suai dengan memasang jeriji mendatangkan kemarahan penduduk kerana menghalang laluan pejalan kaki di bangunan itu.

Tinjauan *BH* di sekitar Blok F1, Flat Wangsa Maju Seksyen 2 mendapati sekurang-kurangnya satu jeriji dipasang di setiap aras bangunan empat tingkat itu.

Tindakan itu turut menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan penduduk sehingga menceng dinding bersebelahan unit yang berada pada tingkat sa-

tu blok F1 bangunan itu.

Penduduk mahu jeriji besi itu dibuka dan menyindir pemilik unit dengan mendakwa ‘mempunyai selera kondominium’ walaupun tinggal di flat.

Tinjauan *BH* mendapati, ada penduduk menambah binaan dan struktur pada bahagian belakang flat terutama yang berada di tingkat bawah.

Pengurus bangunan blok berkenaan, Nini Farah Syafiqah Geni, 50, berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai kuasa penuh mengambil tindakan ke atas penduduk yang melakukan ubah suai tanpa kebenaran itu.

“Kami baru mengambil alih pengurusan pada 1 Januari lalu dan setakat ini belum ada aduan daripada penduduk. Kami perlu tanyakan kepada ahli jawatankuasa (AJK) penduduk terdahulu.

“Mengenai ubah suai dan menambah struktur di tingkat bawah flat, ia tidak boleh dilakukan dan kami akan bermesyuarat dengan AJK kemudian beris surat kepada DBKL. DBKL perlu masuk

campur” katanya ketika ditemui *BH*, di sini, semalam.

Beliau turut berkongsi pengalaman menguruskan flat dan kondominium dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

“Dahulu bangunan yang kami uruskan sekiranya ada aduan MPAJ akan mengambil tindakan segera dengan merobohkan binaan walaupun ubah suai telah dilakukan selama lebih 10 tahun,” katanya.


Lambang mentaliti penduduk

Sementara itu, tindakan memasang jeriji itu mendapat pelbagai reaksi daripada pengguna Facebook.

Menurut Deineise Nordin, tindakan itu melambangkan mentaliti penduduk flat yang kebanyakannya mementingkan diri sendiri.

Sementara itu, A Mustafa Kamal Ramli berkata, DBKL patut melakukan pemeriksaan berkala.

“Binaan seperti ini perlu dibuka kerana menyusahkan masyarakat,” katanya.



Antara kediaman di Flat Wangsa Maju, Kuala Lumpur yang membina struktur tambahan di belakang rumah.

(Foto Genes Gulitah/BH)



Pemilik flat memasang jeriji hingga menghalang laluan pejalan kaki menimbulkan kemarahan penduduk.